

MERBAU SAMPAH
Grey-cheeked Bulbul

FAMILI: Pycnonotidae
NAMA SAINTIFIK: *Criniger bres*

CIRI-CIRI

Bagi sub-spesies *C.b.tephrogenys*, ia menyerupai Merbah Rengkong Putih (*Criniger flaveolus*), Merbah Rengkong Kembang (*Criniger pallidus*), dan Merbah Beringin (*Criniger ochraceus*) tetapi jambul kurang jelas kelihatan (hanya kelihatan seperti jambul pendek di bahagian belakang atas kepala), manakala bahagian dada terdapat warna hijau buah zaitun yang nyata. Bahagian tepi kepala berwarna kelabu yang lebih gelap berbanding Merbah Rengkong Putih, bahagian perut yang lebih kuning berbanding Merbah Merbah Rengkong Kembang dan Merbah Beringin (selain daripada *C.b.griseiceps*). Kawasan keliaran Merbah Sampah pula tidak bertindan dengan burung Merbah Rengkong Kembang. Bagi burung juvenil, bahagian sayap berwarna lebih seperti comotan kemerahan manakala bahagian tepi kepala pula berwarna coklat comot. Saiz keseluruhan burung ini adalah di antara 21.5-22 sm.

MAKANAN

Ia menggemari buah-buahan dari jenis beri dan lain-lain buah serta serangga, termasuk nektar dan pucuk muda berbunga.

HABITAT

Ia mendiami kawasan hutan tanah pamah dipterokap hingga ke ketinggian 915 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mempunyai bunyi siulan yang pelbagai seperti bunyi mendayu yang sedih *whi'u wiu iwi* dan *iiu you yuwi*, yang biasanya disusuli dengan jeritan bernada tinggi yang tidak teratur *ii-wi tchiu-tchiu*, *whii wi witchi-witchi-witchi* dan *iiu witchu witchu*. Ia juga mengeluarkan bunyi jelas *prii chiu chew chew* dan *uu-ii-chewi-chew-chew-chew* yang lebih panjang dan diselang-seli dengan nota bergegar *trrit*.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi burung ini adalah di antara bulan Januari hingga Julai setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan 2 biji telur bagi setiap eraman di dalam sarang seperti cawan yang dibina pada vegetasi yang rendah.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.